

# Sanggup berhenti kerja jual tudung online

**GONGBADAK** – Budaya jualan secara dalam talian atau online sememangnya semakin berkembang kini khususnya membabitkan golongan muda, di mana kebanyakan mereka sanggup mengetepikan kelulusan yang tinggi semata-mata ingin bergelar usahawan.

Bagi pemilik Elyda Closet, Norelyda Zakaria, 23, perniagaan tudung yang diusahakan sejak lebih setahun lalu itu bermula sekadar suka-suka memandangkan dirinya gemar menggayakan tudung rekaan terkini.

“Pada awalnya saya pembeli dalam talian dan sedikit demi sedikit idea untuk memulakan perniagaan sendiri tercetus.

“Saya mula membuat tudung dengan rekaan sendiri untuk dijual,” katanya.

Alhamdulillah kata Norelyda, perniagaan yang diusahakan ini semakin mendapat tempat walaupun tidak dinafikan persaingan begitu sengit.

Namun katanya, dia sentiasa percaya semua orang ditentukan nasib dan terpulang kepada diri sendiri untuk berusaha,” katanya.

Dia berkata ketika ditemui di Taman Usahawan Muda Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), di sini.

Menurut Norelyda lagi, selain menjalankan perniagaan secara dalam talian, dia juga sering mengikuti pelbagai festival jualan di sekitar Kuala Terengganu dan perusahaan itu juga menjadi sumber pendapatan utamanya.



Norelyda menunjukkan tudung rekaannya yang semakin mendapat tempat di pasaran.

“Sebelum ini, saya pernah bekerja di beberapa syarikat, tetapi saya mengambil keputusan untuk berhenti kerana ingin menumpukan sepenuh per-

hatian terhadap perniagaan tudung yang diasaskan oleh saya sendiri ini,” katanya yang juga bekas pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dungun.